

The History

Written by mohd hifni

Thursday, 12 August 2010 09:55 - Last Updated Sunday, 14 October 2012 19:14

Warning: Invalid argument supplied for foreach() in `/home/proton/public_html/portal/plugins/system/ki_mootools_control.php` on

line

56



Kelab Proton Malaysia (Proton Club Malaysia) (No. Pendaftaran R.O.S: 2052-10-SEL), atau pada asalnya lebih dikenali dengan panggilan singkatan

ProCC (ProtonClub.Com)

yang telah ditubuhkan pada 31hb Mei 2002 oleh pengagasnya iaitu Encik Mohd Hifni Bin Mohd Ghazali. Dengan domain yang mempunyai nilai komersial, ProCC boleh dilayar oleh pengguna di alamat

www.protonclub.com

2002 - 2010

Bermula tahun 2002, Setelah ProCC mendapat sambutan ramai dari segenap lapisan penduduk Malaysia, kami telah membuka ruangan forum untuk pengunjung laman web ini berdiskusi. Setelah hampir setahun laman web ini menerima kunjungan ramai pemilik-pemilik Proton, portal ini dapat membentuk satu komuniti dibawah syarikat **PROCC MOTORSPORT** dengan bertujuan dapat menjalinkan hubungan yang lebih mesra diantara pelayar laman web ini.

Pada 19 November 2009, PROCC MOTORSPORT telah dipilih menjadi duta dan salah sebuah kelab rasmi dibawah naungan Proton Holding Berhad. Sebagai duta rasmi kepada Proton, kelab ini bertanggungjawab memperkenalkan mutu kualiti kenderaan buatan Proton ke mata masyarakat. Disamping itu, ahli rasmi ProCC juga berpeluang mengikuti apa jua acara yang dianjurkan oleh pihak Proton.

Sebagai salah sebuah kelab dibawah peranti Proton, ProCC telah diberi seorang **Patron** iaitu **E n. Zahari Hussin (General Manager Proton)**.

Beliau ditugaskan sebagai penasihat kepada ProCC dan juga sebagai rakan pendengar kepada

The History

Written by mohd hifni

Thursday, 12 August 2010 09:55 - Last Updated Sunday, 14 October 2012 19:14

apa jua yang ingin ProCC utarakan kepada pihak Proton. Begitu juga dengan kelab-kelab lain, mereka juga telah diberi setiap kelab mempunyai seorang Patron.

Pada 19 Ogos 2010, Kelab Proton Malaysia (Proton Club Malaysia)(ProCC) telah berjaya didaftarkan dibawah Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM) dan tertakluk kepada Akta Pertubuhan 1966. Pada tahun 2010 merupakan tahun terakhir ProCC dikendalikan oleh PROCC MOTORSPORT yang telah menguruskan ProCC selama 8 tahun sejak tahun 2002.

2011

Pada 28 Januari 2011, bertempat di COE, Proton Shah Alam telah diadakan Mesyuarat Agung Tahunan(AGM) Pertama Proton Club Malaysia. AGM tersebut adalah titik permulaan atau kelahiran semula ProCC dengan dihadiri oleh semua ahli-ahli ProCC diseluruh Malaysia untuk mendaftarkan keahlian semula dientiti baru yang dikenali sebagai Proton Club Malaysia.



Pada 1 Februari 2011, PROCC MOTORSPORT dengan rasminya dibubarkan dan segala urusan ProCC dikendalikan oleh entiti baru yang dikenali sebagai Kelab Proton Malaysia (Proton Club Malaysia).

Semoga dengan perkongsian idea serta harapan dari saya sendiri sebagai Presiden dan juga founder komuniti ini, kita harapkan perjuangan ini akan dapat diteruskan dan semoga segala cita-cita untuk menyatukan pemilik-pemilik Proton akan berjaya.

Bersatu mengeratkan silaturahmi,
ProCC tegak menuju kejayaan.

The History

Written by mohd hifni

Thursday, 12 August 2010 09:55 - Last Updated Sunday, 14 October 2012 19:14

Insyallah.

Mohd.Hifni Bin Mohd.Ghazali

PRESIDEN

KELAB PROTON MALAYSIA

(PROTON CLUB MALAYSIA)

No. R.O.S: 2052-10-SEL